

EKONOMI
KERTAS 1
3767/1
JULAI

1 ¼ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
2026

EKONOMI
KERTAS 1
1 JAM 15 MINIT

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

NAMA : _____
KELAS : _____

Arahan:

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan
2. Jawab **semua** soalan
3. Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan iaitu **A,B,C dan D** .Bagi setiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan
4. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.
5. **Kertas jawapan objektif** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **13** halaman yang bercetak

1. Situasi di bawah berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh unit ekonomi.

Alia mempunyai wang saku sebanyak RM10 . Dia ingin membeli sebuah buku cerita berharga RM8 dan juga sekotak pensil warna berharga RM10.

Pernyataan yang manakah betul berkaitan dengan situasi di atas?

- A. Keputusan yang dibuat Alia akan dapat memaksimumkan tingkat kebajikan dirinya
- B. Penyesuaian antara kehendak Alia yang terbatas dengan pendapatannya yang terhad
- C. Implikasi pilihan yang dihadapi oleh Alia adalah barang yang bukan menjadi miliknya
- D. Masalah kekurangan modal menyebabkan Alia perlu membuat keputusan yang menguntungkan dirinya

2. Jadual berikut berkaitan faktor pengeluaran dalam ekonomi.


Faktor Pengeluaran	
J	Tanah
K	Modal
L	Usahawan
M	Buruh
Keterangan	
W	Memperoleh ganjaran dalam bentuk faedah
X	Memberi sumbangan dari segi fizikal dan mental
Y	Mempunyai mobiliti kegunaan yang tinggi dan pelbagai
Z	Menyelaraskan sumber ekonomi untuk meminimumkan kos

Pilih padanan yang betul berkaitan faktor pengeluaran.

- A. J dan Y
- B. K dan X
- C. L dan W
- D. M dan Z



3. Rajah di bawah berkaitan dengan Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP).



Pernyataan manakah yang berkaitan dengan KKP di atas?

	Titik	Keterangan
A	G	Berlaku pembaziran sumber
B	D	Ketidakcekapan pengeluaran
C	A ke B	Pilihan kombinasi pengeluaran
D	F ke C	Wujud kos lepas

4. Bagaimanakah sistem ekonomi kapitalis menyelesaikan masalah asas ekonomi?


	<i>Masalah Asas Ekonomi</i>	<i>Penyelesaian</i>
I	Apa yang hendak dikeluarkan	Jenis barang ditentukan melalui keputusan firma dalam pasaran
II	Bagaimana hendak dikeluarkan	Kaedah pengeluaran yang paling cekap digunakan
III	Berapa hendak dikeluarkan	Jumlah yang dapat meminimumkan kos pengeluaran
IV	Untuk siapa hendak dikeluarkan	Agihan barang berkadar langsung dengan tingkat kekayaan

- A. I dan II
 B. I dan IV
 C. II dan III
 D. II dan IV

5. Pernyataan yang manakah menerangkan tentang sistem ekonomi kapitalis berkaitan pembuat pilihan.

- A. Keuntungan rakyat diberikan keutamaan
 B. Wujud persaingan yang hebat dalam pengeluaran
 C. Masyarakat menikmati pelbagai barang dan perkhidmatan
 D. Agihan pendapatan yang adil antara golongan kaya dengan miskin

6. Keluk permintaan suatu barang beralih ke kanan disebabkan oleh
- Jangkaan harga meningkat pada masa depan
 - Duti eksais keluaran tempatan bertambah
 - Pendapatan boleh cukai bertambah
 - Harga barang penggenap meningkat
7. Rajah menunjukkan perubahan keseimbangan pasaran



Pernyataan manakah yang betul berkaitan keluk tersebut?

- Peningkatan harga P_0 ke P_1 menunjukkan perubahan harga barang itu sendiri
- Perubahan kuantiti Q_0 ke Q_1 disebabkan berlaku penguncupan penawaran
- Pergerakan titik dari E_0 ke E_1 berlakunya pergerakan di sepanjang keluk penawaran
- Peralihan keluk S_0S_0 ke S_1S_1 akibat daripada matlamat pengeluar untuk memaksimumkan keuntungan

8. Pernyataan manakah yang betul berkaitan keseimbangan pasaran?

- Harga tidak akan berubah jika harga berada dibawah harga pasaran
- Persilangan antara dua keluk permintaan menentukan titik keseimbangan
- Lebih permintaan menyebabkan harga cenderung untuk meningkat
- Ketidakseimbangan pasaran berlaku apabila harga melebihi kuantiti

9. Jadual di bawah berkaitan dengan harga dan kauntiti ditawarkan bagi suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan (unit)
2	8
4	20

Berapakah nilai keanjalan harga penawaran tersebut jika harga meningkat?

- 0.17
- 0.67
- 1.20
- 1.50



10. Maklumat berikut berkaitan dengan nilai keanjalan harga penawaran barang X.

$$Es = 2.0$$

Pernyataan manakah berkaitan maklumat tersebut.

- Tambahan kos pengeluaran yang sangat besar
 - Corak penggunaan faktor pengeluaran yang sangat rumit
 - Stok barang siap yang banyak disimpan di dalam gudang
 - Tempoh masa pengeluaran yang memerlukan masa yang lama
11. Maklumat di bawah berkaitan iklan yang ditawarkan kepada seseorang individu.

Jualan Motosikal Berkuasa Tinggi



Kami menawarkan pembiayaan ansuran bulanan serendah RM 500 sebulan.

Iklan 1

Unit Amanah Sejahtera




Menawarkan pulangan dalam bentuk dividen dan keuntungan mengikut syarat dan kontrak.

Iklan 2

Pilih pernyataan yang betul berkaitan iklan di atas.

	Gambar	Fungsi wang
A.	Iklan 1	Alat perantaraan pertukaran
B.	Iklan 1	Alat ukuran nilai
C.	Iklan 2	Alat bayaran tertunda
D.	Iklan 2	Alat penyimpanan nilai

12. Maklumat berikut berkaitan dengan suatu kemudahan disediakan oleh bank pusat.



Apakah kepentingan kemudahan tersebut kepada bank perdagangan?

- Mengawal kestabilan nilai matawang dalam negara
- Melancarkan pembayaran hutang antara institusi kewangan
- Memastikan pengeluaran matawang dalam pasaran mencukupi
- Mewujudkan pinjaman bagi menyelesaikan masalah kekurangan tunai

13. Pilih padanan yang betul berkaitan jenis pekerjaan.

	Jenis pekerjaan	Keterangan
A	Pelukis pelan	Melibatkan aktiviti industri hulu mengeluarkan bahan mentah
B	Buruh binaan	Pengeluaran secara langsung daripada alam semulajadi
C	Jurutera kuari	Pemprosesan bahan mentah kepada barang siap
D	Ejen insurans	Menjadi pelengkap kepada sektor utama dan kedua

14. Maklumat berikut berkaitan dengan kerjaya keluarga Encik Yusof.

- Mengusahakan Restoran Tom Yam dengan bantuan lima orang pekerja.
- Menerima imbuhan daripada peniaga sate yang menggunakan sebahagian ruang restorannya.
- Isterinya merupakan seorang pesara kerajaan.

Antara berikut, yang manakah jenis pendapatan yang diterima oleh Encik Yusof?

- I. Sewa
 - II. Pencen
 - III. Untung
 - IV. Upah
- A. I dan III
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. II dan IV

15. Maklumat berikut berkaitan sejenis potongan wajib.

Bayaran **X** dapat mengurangkan potongan cukai pendapatan perseorangan

Manakah yang **betul** berkaitan dengan **X**?

- A. Dikenakan terhadap individu yang berpendapatan rendah
- B. Bertujuan pengagihan kekayaan antara kelompok masyarakat
- C. Berkadar songsang dengan caruman KWSP yang dilakukan individu
- D. Dilaksanakan bagi memberikan perlindungan keselamatan sosial pekerja

16. Maklumat berikut berkaitan dengan strategi simpanan.

Ciri- ciri	Strategi P	Strategi Q
Syarat Utama	Dibayar dividen dan bonus saham	Perlu menjadi ahli organisasi terlebih dahulu

Pasangan yang manakah mewakili **Strategi P** dan **Strategi Q**?

	Strategi P	Strategi Q
A	Bank Perdagangan	Syarikat Kewangan
B	Unit Amanah	Koperasi
C	Koperasi	Unit Amanah
D	Syarikat Kewangan	Bank Perdagangan

17. Pilih pernyataan yang **betul** berkaitan dengan fungsi pengeluaran jangka pendek.
- Tambahan dalam input tetap akan meningkatkan output
 - Menunjukkan hubungan langsung antara input berubah dengan output
 - Input berubah berhubung secara tak langsung dengan jumlah keluaran
 - Pada keluaran sifar, tiada input yang digunakan dalam proses pengeluaran
18. Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara jumlah output dengan jumlah kos bagi sebuah firma.

Output(unit)	Jumlah Kos (RM)
0	100
10	250
20	380
30	540

Berapakah kos marginal firma tersebut sekiranya output bertambah daripada 10 unit kepada 20 unit?

- RM 13.00
- RM 19.00
- RM 130.00
- RM 250.00

19. Maklumat berikut berkaitan dengan konsep eksternaliti

Seorang pemuda memilih untuk menunggang basikal untuk pergi ke tempat kerja.

Maklumat yang manakah merupakan faedah peribadi bagi pemuda tersebut?

- A. Dapat menjimatkan perbelanjaan pengangkutan
- B. Kawasan perumahan menjadi lebih bersih dan ceria
- C. Mengurangkan masalah kesesakan jalan raya
- D. Kos rawatan hospital penduduk setempat menjadi lebih rendah

20. Petikan berita di bawah berkaitan peranan kerajaan dalam negara.

Penjenamaan semula projek rumah PPRT

Kuala Lumpur: Kerajaan telah menjenamakan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) kepada Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS). Sepanjang tahun 2024 sejumlah RM 460.4 juta telah diperuntukan untuk membina dan membaik pulih rumah PPRS.

(Sumber: diubahsuai portal berita Malaysia Gazette, 26 Julai 2024)

Pernyataan manakah yang berkaitan dengan peranan kerajaan di atas?

- A. Mengawal kuasa beli masyarakat untuk mengelakkan ketidakstabilan harga
- B. Mewujudkan monopoli semulajadi sebagai pengeluar tunggal dalam industri
- C. Memastikan aliran wang masuk ke dalam negara kekal mencatatkan lebihan
- D. Menyebabkan tindakan undang-undang pemerintah mengawal selia pengeluaran

21. Maklumat berikut menunjukkan satu matlamat makroekonomi.

Peningkatan jumlah keluaran barang diukur melalui pertambahan Keluaran Dalam Negeri Kasar antara dua tahun yang berbeza.

Pernyataan yang manakah betul berkaitan maklumat tersebut?

- A. Wujud lebihan imbalan pembayaran yang mempengaruhi nilai Ringgit Malaysia
- B. Menunjukkan kawalan harga dari berlaku inflasi yang akan menjejaskan kuasa beli
- C. Implikasinya berlaku penciptaan lebih banyak peluang pekerjaan yang meningkatkan guna tenaga
- D. Disebabkan oleh aliran keluar wang melebihi aliran masuk wang ke dalam sesebuah negara



22. Petikan di bawah berkaitan peranan kerajaan dalam mengawal eksploitasi pengguna.

SHAH ALAM - Antara kes yang kerap dikesan ialah penjualan barang kawalan seperti minyak masak pada harga melebihi kadar ditetapkan, meskipun barangan itu diperolehi melalui saluran subsidi.

(Sumber: diubahsuai berita Sinarharian, 7 Februari 2026)

Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah tersebut?

- A. Melaksanakan dasar harga maksimum
 - B. Melaksanakan dasar harga minimum
 - C. Meningkatkan kadar cukai ke atas barang kawalan
 - D. Menggalakkan pengeluaran menggunakan kaedah mesra alam
23. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan pengangguran.
- A. Satu keadaan di mana wujud lebih permintaan tenaga buruh
 - B. Mempengaruhi kos sara hidup yang perlu ditanggung oleh masyarakat
 - C. Disebabkan oleh perubahan dalam struktur ekonomi sesebuah negara
 - D. Langkah untuk mengatasi melalui peningkatan cukai pendapatan
24. Antara berikut, manakah merupakan situasi yang menyebabkan berlakunya pengangguran geseran?
- I. Asri seorang yang terlalu berhati-hati memilih pekerjaan
 - II. Nurul mempunyai mobiliti dari segi kelayakan dan kemahiran
 - III. Ravin kehilangan pekerjaan kerana penutupan kilang akibat krisis ekonomi
 - IV. Shikin kekurangan maklumat tentang peluang pekerjaan dalam pasaran
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
25. Pertumbuhan KDNK negara meningkat daripada 4.0% kepada 5.5% pada tahun 2025 menunjukkan pengurangan
- A. produktiviti pekerja tempatan dan asing
 - B. kadar inflasi berbanding tahun sebelumnya
 - C. kadar pengangguran dalam kalangan tenaga buruh
 - D. pertumbuhan eksport imbalan dagangan negara

26. Pasangan yang manakah betul?

	Dasar Fiskal	Keterangan
A	Mengembang	Bertujuan untuk mengurangkan permintaan agregat
B	Menguncup	Berupaya meningkatkan kuasa beli pengguna dalam pasaran
C	Mengembang	Bertindak dengan menurunkan kadar cukai pendapatan
D	Menguncup	Berlaku apabila kerajaan menambah perbelanjaan pembangunan

27. Pilih pasangan berkaitan bentuk cukai yang betul

	Bentuk Cukai	Keterangan
A	Progresif	Berkadar langsung dengan pelepasan cukai
B	Progresif	Digunakan untuk merapatkan jurang agihan pendapatan
C	Regresif	Contoh jenis cukai yang dikenakan adalah cukai keuntungan syarikat
D	Regresif	Tekanan cukai ditanggung lebih tinggi kepada golongan pendapatan tinggi

28. Padanan manakah yang betul tentang contoh perbelanjaan pembangunan ?

	Sektor	Contoh Perbelanjaan
A	Ekonomi	Membeli komputer untuk kegunaan pejabat kerajaan
B	Sosial	Membina klinik komuniti dan pusat kesihatan
C	Keselamatan	Membayar elaun dan bonus anggota polis serta tentera
D	Pentadbiran Am	Membina jaringan jalan raya dan lebuh raya

29. Pilih pasangan yang betul berkaitan kesan peningkatan kadar faedah sebagai alat dasar kewangan.

	Kesan Terhadap	Keterangan
A.	Pengguna	Perbelanjaan menggunakan kaedah pembayaran kredit meningkat
B.	Pengguna	Lebih wang untuk membiayai kos pengeluaran akan berkurangan
C.	Firma	Daya saing firma akan meningkat seiring dengan produktiviti
D.	Firma	Masalah kecairan tunai menyebabkan modal kewangan menurun

30. Jadual berikut berkaitan faktor penggalak globalisasi.

Faktor Penggalak	
I	Pelancongan
II	Peranan kerajaan
III	Infrastruktur pengangkutan yang baik
IV	Infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi
Situasi	
M	Pelan Jalinan Digital Negara merupakan strategi untuk meningkatkan capaian internet bagi mencapai langganan internet 100%.
N	Melaka telah diisytiharkan sebagai tuan rumah World Tourism Day 2025.
O	Dasar mesra pelabur bagi menggalakkan penubuhan ibu pejabat serantau di ibu kota.
P	Peruntukan tambahan diberikan bagi projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail Petra oleh kerajaan Malaysia.

Pilih padanan yang betul berkaitan faktor penggalak globalisasi.

- A. I dan P
 B. II dan O
 C. III dan M
 D. IV dan N
31. Pernyataan yang manakah merupakan kepentingan perdagangan antarabangsa terhadap pertumbuhan ekonomi negara?
- A. Menjamin monopoli pasaran dengan rakan dagang
 B. Menggalakkan perkongsian pintar
 C. Memaksimumkan keuntungan pengguna
 D. Menggalakkan mobiliti buruh ke negara lain
32. Apakah kebaikan sekatan perdagangan antarabangsa kepada negara?
- A. Menambahkan peluang pekerjaan
 B. Meningkatkan aliran wang ke luar negara
 C. Menurunkan permintaan ke atas Ringgit Malaysia
 D. Mengurangkan pengeluaran terhadap barang tempatan



33. Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa

Mr. Joseph sekeluarga dari Australia melancong ke Melaka. Mereka menggunakan pengangkutan van untuk melawat tempat-tempat bersejarah dan menginap di sebuah hotel di Bandar Melaka. Sebelum pulang, mereka telah membeli pelbagai cenderamata untuk dijadikan kenangan.

Apakah komposisi perdagangan yang terlibat?

- I. Import barang nampak
 - II. Import barang tak nampak
 - III. Eksport barang tak nampak
 - IV. Eksport barang nampak
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
34. Jadual di bawah menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika (USD).

Mata wang	Harga belian (RM)	Harga jualan (RM)
USD 1	3.97	3.99

Berapakah yang perlu dibayar dalam nilai USD oleh seorang pelancong Amerika Syarikat yang ingin membeli beg tangan yang berharga RM 450 di pasar raya di Melaka?

- A. USD 112.78
- B. USD 113.35
- C. USD 1786.50
- D. USD 1795.50



Soalan 35 hingga soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual berikut

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

35. I. Hubungan antara harga dan kuantiti diminta adalah songsang
 II. Hubungan songsang ini digambarkan oleh keluk permintaan yang mencerun ke bawah dari kiri ke kanan
36. I. Keanjalan harga permintaan tak anjal apabila pekali keanjalan kurang daripada satu
 II. Keanjalan harga permintaan tak anjal mempunyai banyak barang pengganti
37. Maklumat berikut berkaitan dengan kegiatan pengeluaran sebuah firma

- Syarikat Rambai Bhd merupakan pengeluar ayam di Kampung Gedung Lalang.
- Penduduk kampung tersebut menanggung bau busuk dan gangguan lalat.

- I. Kos sosial yang ditanggung oleh penduduk ialah pencemaran bau dan penyakit berjangkit
 II. Kos sosial lain ialah perbelanjaan untuk mengeluarkan ayam segar bagi Syarikat Rambai Bhd
38. I. Produktiviti menggambarkan hubungan tak langsung antara output dan input
 II. Produktiviti dipengaruhi gaya kepimpinan dalam budaya organisasi
39. I. Inflasi tolakan kos disebabkan oleh peningkatan kuasa beli pengguna
 II. Inflasi tolakan kos dapat diatasi melalui dasar fiskal menguncup
40. I. Tindakan bank pusat untuk mengurangkan kuasa beli rakyat adalah memanjangkan tempoh pinjaman
 II. Tindakan memanjangkan tempoh pinjaman merupakan dasar kewangan menguncup

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT